

USIM

PENGUMUMAN

KEPADА SEMUA BAKAL GRADUAN

MAJLIS KONVOKESYEN KE-18 USIM SECARA HIBRID

Universiti Sains Islam Malaysia telah bersetuju supaya Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM yang dijadualkan pada 6-8 April 2021 dilaksanakan secara HIBRID bagi membendung penularan wabak Covid-19.

Sehubungan dengan itu, tarikh Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM secara hibrid akan dipanjangkan iaitu mulai pada **6 April 2021 hingga 18 April 2021**. Majlis Konvokesyen secara hibrid ini akan melibatkan dua (2) majlis seperti berikut:

1. Majlis Perisytiharan Konvokesyen Ke-18 USIM

- i. Perisytiharan Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM oleh DYMM Tuanku Canselor.
- ii. Melibatkan Pro Canselor, Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Ahli JKPU, Ahli Senat, Ahli LPU dan penerima anugerah utama sahaja (Anugerah Pelajaran DiRaja, Anugerah Canselor, Anugerah LPU dan Pingat Emas Naib Canselor).
- iii. Diadakan pada 6 April 2021.

2. Konvokesyen secara Janji Temu

- i. Merupakan kaedah pengurniaan ijazah yang dilaksanakan bagi mengantikan istiadat Konvokesyen USIM bagi tahun 2020 akibat Pandemik Covid-19. Melalui kaedah ini, foto graduan akan diambil dan disatukan dengan foto pengurniaan ijazah yang telah ditetapkan. Kaedah ini didapati lebih sesuai untuk mengelakkan penularan wabak Covid-19 yang masih belum pulih.
- ii. Melibatkan semua bakal graduan.
- iii. Diadakan pada 7-18 April 2021.
- iv. Melibatkan 23 Sidang selama 12 hari.

Bakal graduan diminta melayari laman sesawang Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM melalui alamat konvo.usim.edu.my bagi merujuk maklumat yang lebih terpeinci berkaitan Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM.

Bakal graduan juga diminta merujuk kepada sidang yang terlibat sebagaimana di **Lampiran A** dan memastikan pengesahan kehadiran bakal graduan dibuat melalui portal Istudent pada menu *graduation attendance confirmation*. Semua bakal graduan wajib mengesahkan kehadiran dan sekiranya mengesahkan **HADIR**, bakal graduan perlu mencetak slip pengesahan kehadiran bagi tujuan bukti kehadiran semasa hari Konvokesyen. Sistem Pengesahan Kehadiran Graduan ini akan dibuka mulai pada **6 Mac 2021 hingga 5 April 2021**. Carta Alir Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM secara Janji Temu adalah sebagaimana di **Lampiran B**.

Semua bakal graduan perlu mematuhi SOP kemasukan ke kampus USIM yang telah ditetapkan sebagaimana di **Lampiran C** dan bakal graduan perlu melengkapkan maklumat diri dan kesihatan dalam Sistem Saringan Kesihatan melalui portal Istudent. Bakal graduan perlu mencetak Slip Saringan Kesihatan tersebut dan menyerahkan kepada Pegawai bertugas semasa hari Konvokesyen berlangsung.

Semua bakal graduan juga diminta menyelesaikan semua hutang-hutang (yuran pengajian dan denda) sebelum hari konvokesyen berlangsung. Pihak universiti hanya menyediakan kaedah pembayaran secara atas talian semasa hari Majlis Konvokesyen secara Janji Temu dan tiada pembayaran secara tunai disediakan.

Mengambil kira perlaksanaan Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM dalam suasana yang berbeza, pihak Universiti bersetuju untuk mengurangkan yuran konvokesyen bagi Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM daripada RM250.00 kepada RM200.00. Pembayaran perbezaan yuran sebanyak RM50.00 tersebut akan dimaklumkan oleh Bendahari USIM dalam masa yang terdekat.

Sebarang kemosykilan sila berhubung terus melalui Unit Pentadbiran, Kewangan dan Konvokesyen, Bahagian Pengurusan Akademik di talian 06-798 6298 /8144 atau emel kepada bpa@usim.edu.my.

Sekian, Harap Maklum.

“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”

Dikeluarkan oleh:


**Bahagian Pengurusan Akademik
Universiti Sains Islam Malaysia**

Lampiran A : Jadual Sidang Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM secara Janji Temu

TARIKH	PERKARA	FAKULTI	PROGRAM PENGAJIAN	TEMPAT
6 April 2021 (Selasa)	Majlis Perisytiharaan Konvokesyen Ke-18 USIM			
7 April 2021 (Rabu)	Sidang 1 (Pagi)	Semua Graduan Doktor Falsafah & Sarjana	Doktor Falsafah, & Sarjana	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 2 (Petang)	Semua graduan Diploma Siswazah	DIJAP & DPPI	
8 April 2021 (Khamis)	Sidang 3 (Pagi)	FKP	QI07	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 4 (Petang)	FKP	QA02, QP57	
9 April 2021 (Jumaat)	Sidang 5 (Pagi)	FKP	QA19, QI13	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 6 (Petang)	FKAB	QK86, QH00	
10 April 2021 (Sabtu)	Sidang 7 (Pagi)	FPg, FPSK	QD00, QM00	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 8 (Petang)	FST	QG07, QS43	
11 April 2021 (Ahad)	Sidang 9 (Pagi)	FST	QG00, QC13	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 10 (Petang)	FST	QS10, QS21	
12 April 2021 (Isnin)	Sidang 11 (Pagi)	FPQS	QI05 (Kump 1), QIKUIPSAS	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 12 (Petang)	FPQS	QI05 (Kump 2), QIDQ	
13 April 2021 (Selasa)	Sidang 13 (Pagi)	FPQS	QI11	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 14 (Petang)	FPQS	QI10	
14 April 2021 (Rabu)	Sidang 15 (Pagi)	FEM	QE02	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 16 (Petang)	FEM	QP21	
15 April 2021 (Khamis)	Sidang 17 (Pagi)	FEM	QE06, QP49	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 18 (Petang)	FEM	QE23	
16 April 2021 (Jumaat)	Sidang 19 (Pagi)	FSU	QL04	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 20 (Petang)	FSU	QI08 (Kump 1)	
17 April 2021 (Sabtu)	Sidang 21 (Pagi)	FSU	QI08 (Kump 2)	Dewan Tuanku Canselor & Pusat Sukan USIM.
	Sidang 22 (Petang)	FPBU	QB05 (Kump 1)	
18 April 2021 (Ahad)	Sidang 23 (Pagi)	FPBU	QB05 (Kump 2)	

*Senarai nama bakal graduan bagi kumpulan 1 dan 2 program QI05, QI08 dan QB05 boleh dirujuk pada jadual sidang di dalam laman sesawang Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM.

Lampiran B : Carta Alir Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM secara Janji Temu



Lampiran C : Standard Operating Procedure (SOP) Pencegahan Covid-19**bagi tujuan menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-18 USIM secara Janji Temu**

1. Semua bakal graduan perlu membenarkan suhu badan diperiksa oleh petugas kesihatan setiap kali memasuki pintu masuk kampus atau di Dewan Tuanku Canselor. Bakal graduan yang dikesan mempunyai suhu melebihi 37.5°C tidak dibenarkan masuk ke dalam kampus;
2. Semua bakal graduan perlu mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terutamanya pengamalan kebersihan diri, penjarakan fizikal, memakai pelitup separuh muka dan pemeriksaan suhu badan;
3. Memuat turun aplikasi MySejahtera untuk merekod kehadiran;
4. Membawa cecair pembasmi kuman yang mencukupi;
5. Mematuhi apa-apa arahan petugas keselamatan dan kesihatan ketika berada dalam Kawasan kampus;
6. Mematuhi apa-apa arahan Petugas ketika berada di kawasan Dewan Tuanku Canselor dan di Pusat Sukan;
7. Menghindarkan diri daripada hadir dan berada dalam kawasan Kampus serta mendapatkan rawatan dengan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya mempunyai sebarang gejala jangkitan COVID-19 seperti yang dihebahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
8. Bakal graduan wajib mengisi Saringan Kesihatan pada portal Istudent dalam tempoh tiga (3) hingga sehari sebelum hadir ke kampus bagi tujuan pengesahan kesihatan dan status zon.